

**Status Pelabuhan Bebas Rangsang Industri Pelancongan Pulau Pinang – PHA  
Bernama  
25 Ogos, 2012**

GEORGE TOWN, 25 Ogos (Bernama) -- Usaha memulihkan status pelabuhan bebas Pulau Pinang boleh merangsang industri pelancongan dan sektor berkaitan, kata Persatuan Perhotelan Pulau Pinang (PHA).

Pengerusinya Datuk Lim Mee Lee berkata persatuan itu menyokong idea itu kerana ia akan memanfaatkan rakyat negeri ini serta membolehkan industri itu lebih berdaya maju.

"Industri pelancongan di Pulau Pinang kini kurang menarik di tengah-tengah persaingan dengan negara-negara lain seperti Singapura dan Hong Kong," katanya kepada pemberita pada satu seminar mengenai kesan status pelabuhan bebas ke atas sektor pelancongan anjuran Barisan Nasional Pulau Pinang di sini, hari ini.

Lim berkata dengan status pelabuhan bebas, Pulau Pinang akan dapat menarik lebih ramai pelancong yang akan memberi manfaat bukan sahaja kepada industri pelancongan tetapi juga sektor berkaitan seperti pihak penjaja, hotel-hotel dan pusat beli belah.

Tambahan pula, ia membolehkan Pulau Pinang menjadi lebih berdaya saing dalam produk dan khidmat yang ditawarkan selain menggalakkan penggiat industri meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=689771>